(4) dlm. JUD/619/Jld.2

21 Ogos, 2006

Y.A.-Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman,
Mahkamah Tinggi Sabah & Sarawak.

Semua Hakim, Mahkamah Sesyen Sabah dan Sarawak.

Semua Timbalan Pendaftar/Pegawai Penyelidik/Khas/Penolong Kanan Pendaftar, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Semua Majistret, Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

Semua Pendaftar Mahkamah Rendah, Sabah dan Sarawak.

Yang Arif Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

PEKELILING PENDAFTAR NO. 1/2006
PENGHANTARAN NOTIS BICARA/SEBUTAN

Adalah saya diarah oleh Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak untuk memaklumkan bahawa susulan daripada mesyuarat Y.A.A. Ketua Hakim Negara bersama dengan Y.A.-Y.A. Hakim/Pesuruhjaya Kehakiman dan Pegawai-Pegawai Kehakiman Mahkamah Kuching pada 11 Ogos 2006, Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak telah mengarahkan bahawa selain daripada amalan sekarang Penyerahan Notis Perbicaraan/Sebutan boleh juga dibuat melalui faks ke firma peguam yang mengendalikan kes dan pihak peguam boleh juga mengfaxkan semula Notis berkenaan kepada Registri Mahkamah sebagai tanda **"Akuan Terima Notis"**.

2. Slip penghantaran fax hendaklah dilampirkan bersama Notis yang telah difax dan disimpan dalam doket untuk bukti penghantaran melalui fax.

3. Notis yang telah difax tidak perlu dihantar/diserah kepada firma peguam secara kendiri oleh Penghantar Notis.

2/-.....

4. Arahan Amalan ini berkuatkuasa serta-merta.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

HIGH COURT
LIBRARY
KUCHING SARAWAK

(**AMELATI PARNELL**)
b.p. Pendaftar,
Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak,
Kuching.

s.k. Y.A.A. Ketua Hakim Negara, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya.

Y.A.A. Hakim Besar Sabah dan Sarawak, Putrajaya.

Ketua Pendaftar, Mahkamah Persekutuan Malaysia, Putrajaya.

Presiden,
Persatuan Peguambela Negeri Sarawak,
d/a Kompleks Mahkamah Kuching,
Jalan Gersik, 93050 Petra Jaya, Kuching.

Presiden,
Persatuan Undang-Undang Negeri Sabah,
2nd Floor, No. 58, Jalan Pantai,
Hainan Association Building,
W.D.T. 414, 88904 Kota Kinabalu, Sabah.